

# Forum Keamanan Sejagat Perdana 2005

Oleh: Wan Roslili Abd Majid



kegagalan negara tertentu untuk mencapai serta mempertahankan keamanan, atau juga untuk menghentam negara-negara tertentu kerana sikap mereka yang suka berperang dan penolakan mereka terhadap langkah keamanan.

Sebaliknya, persidangan atau forum tersebut merupakan permulaan bagi usaha mapan peringkat dunia untuk menjadikan peperangan sebagai satu jenayah dan menghapuskan perang yang sering dijadikan pilihan untuk menyelesaikan pertikaian serta konflik antara negara. Persidangan ini juga menurut beliau, bertujuan mengiktiraf dan mentakrif peperangan yang selama ini dijadikan pembunuhan beramai-ramai yang sah, sebagai tindakan tidak berperikemanusiaan dan tidak bertamadun. Persidangan tersebut juga bertujuan menolak peperangan sepenuhnya dan menerima keamanan sebagai penzahiran kemanusiaan dan kemuliaan manusia yang sebenar, bahawa keamanan menjadi ukuran paling tinggi terhadap tahap ketamadunan insan yang perlu dicapai.

**K**ejayaan Forum Keamanan Sejagat Perdana 2005 yang dianjurkan oleh Yayasan Kepimpinan Perdana dengan kerjasama Institut Kepimpinan Strategik Asia (ASLI) dan Perikatan Kemanan Rakyat Malaysia (Aman Malaysia) selama tiga hari, iaitu pada 15 hingga 17 Disember 2005 yang lalu adalah pada matlamat yang digariskan serta kesungguhan mencapainya. Jelas dalam penegasan yang diberikan oleh Pengerusi Forum berkenaan yang juga bekas Perdana Menteri, YA Bhg. Tun Dr. Mahathir Mohamad bahawa forum yang diadakan selama tiga hari itu berbeza dengan persidangan-persidangan keamanan yang lain. Forum itu bukanlah pentas retorik dan tempat melepaskan kemarahan dan kekecewaan terhadap

Forum yang bertemakan “Dividen Keamanan Keuntungan Peperangan” menyaksikan penglibatan 31 orang penceramah. Antaranya termasuklah Perdana Menteri Kemboja, Samdech Hun Sen; bekas Perdana Menteri Australia, Bob Hawke; ahli Parlimen Britain yang kontroversi kerana pendiriannya menentang penglibatan United Kingdom di Iraq, George Galloway; dan Profesor Undang-Undang Universiti Illinois, Prof. Francis A Boyle. Selain itu, bekas Penyelaras Bantuan Kemanusiaan PBB/bekas Timbalan Setiausaha Agung PBB, Jerman, Hans-Christof Von Sponeck; Pengerusi Lembaga Penasihat Yayasan Keamanan Antarabangsa, Putera Alfred von Liechtenstein; Pengasas dan Presiden Institut

Penyelidikan Dasar Nuklear Amerika Syarikat, Dr Helen Caldicott telah membentangkan fakta berhubung dengan pelbagai isu keamanan serta peperangan.

Di samping itu, bekas Timbalan Setiausaha Agung PBB dan Penyelaras Bantuan Kemanusiaan PBB di Iraq, Ireland, Denis J. Halliday; Profesor Ekonomi, Universiti Ottawa/Pengarah Pusat bagi Penyelidikan Globalisasi, Kanada, Prof. Dr Michel Chossudovsky; Presiden, Kumpulan Pakar Perubatan Antarabangsa bagi Menghalang Perang Nuklear, Malaysia; Dato' Dr Ronald McCoy; Imam Masjid al-Farah, New York City/Ahli Pemegang Amanah Pusat Islam New York dan Pusat Antara Agama, New York, Imam Feisal Abdul Rauf turut mengemukakan pelbagai pandangan serta langkah proaktif bagi mewujudkan keamanan yang berkekalan untuk dinikmati, khususnya oleh generasi akan datang.

Forum selama tiga hari ini dimulakan dengan ucapan utama oleh Tun Dr. Mahathir Mohamad. Ucapan utama ini disusuli oleh sidang pleno berasingan yang membincangkan tujuh topik yang menyentuh soal manfaat keamanan, realiti di sebalik perang melawan keganasan, jenayah perang, hubung kait antara perang dengan ekonomi, perang dan media serta peranan dialog antara agama dalam meningkatkan keamanan. Forum juga menjadi medan perkongsian pandangan antara tokoh politik, pemimpin perniagaan, ahli akademik, pemimpin masyarakat yang tertumpu pada sokongan padu terhadap keamanan dan pada masa yang sama, mengutuk kekerasan serta

peperangan. Dalam sesi khas yang bertajuk, "Testimoni Mangsa Perang", Jimmy J. Massey, bekas anggota tentera Amerika Syarikat yang terlibat dalam penaklukan atas Iraq pada Mac 2003 dan Gabenor Jenin, Qaddora Mousa menceritakan pengalaman masing-masing yang amat menyentuh perasaan dan menyayat hati. Massey yang juga Pengasas Veteran Iraq Menentang Peperangan (IVAW) menceritakan bagaimana beliau pada awalnya terpedaya dengan alasan Bush kononnya Amerika Syarikat mesti membebaskan rakyat Iraq daripada Saddam Hussein tetapi selepas menyaksikan sepuluh orang rakyat Iraq yang menunjuk perasaan tanpa senjata ditembak mati 150 meter dari matanya, kepercayaan itu lenyap sama sekali. Menurutnya, "Mereka hanya melaungkan slogan anti-Amerika. Saya cuba meyakinkan diri yang tembakan itu mungkin suatu kesilapan tetapi saya tidak dapat melupakan kemarahan seorang lelaki yang bertalu-talu bertanya mengapa kami membunuh adiknya."

Selain sesi seumpama ini, terdapat satu lagi sesi khas, iaitu "A Cry for Justice" (Rintihan untuk Keadilan) yang menampilkan Najwa Jalamneh, kanak-kanak Palestin. Beliau yang dijemput khas oleh Yayasan Kepimpinan Perdana, merayu kepada dunia dengan hatinya yang tulus, "Rakyat Palestin menunggu dunia memahami apa sebenarnya maksud keamanan. Ada sesuatu yang kami, rakyat Palestin tidak faham. Apakah maksud keganasan dan apakah yang dianggap keganasan? Tolonglah beritahu saya, jika saya silap. Adakah apabila kami mempertahankan diri sendiri, jika kami mempunyai impian untuk memiliki

sendiri; negara yang merdeka, juga impian untuk gembira dan hidup dengan aman, adakah jika kami memperjuangkan hak itu, maka kami dilabel sebagai pengganas? Setiap hari ke sekolah, saya akan tercium bau darah dan dapat melihat darah sepanjang laluan serta di dinding sekeliling saya. Saya dapat melihat impian semua sahabat saya dan juga kanak-kanak Palestin. Impian untuk keamanan, impian untuk melukis peta negara sendiri, bermain tanpa dibunuh, bersiar-siar di hujung pekan dan mengunjungi rakan tanpa dipisahkan oleh benteng."

YAB Perdana Menteri, Dato' Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi turut menyampaikan ucapan utama bertajuk "*Islam and Peace*" pada majlis makan malam pada hari kedua forum. Acara kemuncak forum ialah perisytiharan Deklarasi Keamanan Kuala Lumpur yang dibaca oleh Tun Dr Mahathir Mohamad sebelum diserahkan kepada Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Mohd. Najib Tun Razak yang menutup persidangan selama tiga hari itu dengan ucapan beliau yang bertajuk, "Ke Arah Dunia Tanpa Keganasan".

Kehadiran peserta seramai hampir 2,300 orang dari seluruh dunia begitu memberangsangkan, suatu petanda yang menunjukkan bahawa masih banyak insan yang menghargai, menyokong, mencintai dan memperjuangkan keamanan. Antara isu yang menarik perhatian dalam ucapan utama oleh Tun Dr. Mahathir ialah kempen besar-besaran berteraskan keamanan untuk menggerakkan kuasa rakyat menghalang pemimpin yang menentang keamanan serta membunuh orang ramai daripada menjadi Presiden

atau Perdana Menteri sesebuah negara. Tegasnya, beliau percaya bahawa banyak rakyat di dunia yang tidak gembira dengan pemimpin-pemimpin yang dipilih oleh mereka dan mereka haruslah dibantu untuk membuat keputusan yang lebih baik dengan menjadikan keamanan sebagai isu utama dalam pilihan raya di negara terbabit atau di mana-mana sahaja pilihan raya diadakan. Bekas Perdana Menteri itu juga menegaskan, usaha dan langkah yang dilakukan oleh aktivis alam sekitar boleh dijadikan contoh.

Golongan aktivis ini terpaksa berusaha sendiri apabila pemimpin negara yang dipilih gagal berperanan bagi melindungi alam sekitar. Mereka terpaksa mengambil langkah yang keras dan ada sesetengahnya begitu ekstrem sehingga meminta supaya manusia kembali ke zaman batu. Ujar beliau lagi, usaha aktivis alam sekitar melaksanakan kempen mereka mendorong kemunculan pertubuhan bukan kerajaan di seluruh dunia yang mengecam kerajaan serta pemimpin masing-masing disebabkan kegagalan mereka melindungi alam sekitar. Meskipun usaha mereka tidak sepenuhnya berjaya, namun menurut Dr. Mahathir, dunia kini lebih peka terhadap alam sekitar dan calon pilihan raya serta pemimpin yang dipilih dipaksa untuk mengambil serius isu alam sekitar. Pada hari ini, banyak negara, termasuk Malaysia, mempunyai Menteri Alam Sekitar malah pemimpin-pemimpin dunia membincangkan isu alam sekitar di Rio de Janeiro dan membentuk Protokol Kyoto yang diterima oleh kebanyakan negara.

Perkara yang sama boleh dilakukan bagi memastikan keamanan sejagat. Maka dengan ini, forum tersebut diadakan dengan langkah positif bagi memastikan keamanan dijadikan teras dalam isu politik, ekonomi dan sosial. Mereka yang menentang keamanan dan mempercayai pembunuhan orang ramai bagi menyelesaikan pertikaian antarabangsa harus ditolak. Usaha untuk menubuhkan NGO keamanan di seluruh dunia mungkin akan mengambil masa yang lama tetapi sekiranya ini dapat dilaksanakan, pertubuhan itu dapat memberikan gambaran tentang kekejaman peperangan, menjelaskan kepada pengundi bahawa mereka akan menjadi mangsa tanpa mengira bagaimana kerajaan mereka meningkatkan tahap keselamatan. Kesedaran pengundi-pengundi terhadap kekejaman peperangan akan membolehkan lebih banyak undi bagi calon yang mencintai keamanan berbanding dengan calon yang mempercayai peperangan sebagai pilihan utama.



Dr. Mahathir juga menegaskan bahawa kempen-kempen keamanan perlu melibatkan mereka yang menjadi mangsa peperangan, anak-anak yang kehilangan ibu bapa dan ibu bapa yang kehilangan anak, mangsa yang cedera atau kehilangan anggota tubuh semasa peperangan. Menurut beliau, mangsa-mangsa ini perlu menceritakan kekejaman peperangan dan penderitaan yang dialami serta pingat-pingat yang dianugerahkan bukan sebagai penghormatan sebaliknya suatu peringatan bagi penderitaan yang telah dilalui. Dalam ucapannya juga Dr. Mahathir turut menarik perhatian tentang peranan penting anggota-anggota NGO untuk menentang peperangan terutamanya saintis. Ini kerana merekalah yang diberi arahan untuk mencipta dan membangunkan senjata baharu selain meningkatkan keupayaan senjata tersebut dari semasa ke semasa. Mereka jugalah yang mencipta bom nuklear, bom berangkai, *Orange agent*, gas saraf dan sebagainya. Tanpa disedari, mereka juga merupakan pembunuh meskipun mereka tidak melakukan perbuatan kejam itu secara langsung. Menurut beliau lagi, saintis dalam Projek Manhattan membantah penggunaan bom atom yang telah dibantu oleh mereka untuk dibangunkan, namun segala-galanya sudah terlambat. Bom yang dibangunkan oleh mereka digugurkan atas bumi Hiroshima serta Nagasaki yang membunuh hampir 200,000 orang awam, tindakan yang tidak wajar sama sekali kerana Jepun telah pun hampir-hampir menyerah.

Saintis juga wajar menolak untuk menjalankan penyelidikan bagi mencipta lebih banyak senjata yang berbahaya dan boleh membawa maut. Hari ini, di negara-negara kuasa besar, setiap penemuan saintis diselidiki tentang keupayaannya untuk membunuh. Misalnya, alat elektronik, laser, radar, radiasi, medan magnetik, kimia, bakteria dan virus serta angkasa lepas, semuanya diselidiki untuk tujuan aplikasi peperangan. Selain saintis, peguam juga diseru oleh Dr. Mahathir supaya turut memainkan peranan bagi mempromosikan keamanan. Untuk tujuan ini, menurut beliau, undang-undang antarabangsa diperlukan untuk menjadikan peperangan sebagai tidak sah. Selain itu, Dr Mahathir Mohamad juga mencadangkan penubuhan Mahkamah Dunia yang sempurna bagi membicarakan serta menghukum pihak yang terlibat dalam jenayah kemanusiaan, peperangan dan juga pembunuhan orang yang tidak berdosa. Hakim-hakimnya perlulah bebas dan mewakili negara-negara yang berkecuali dan dilindungi daripada kuasa besar. Di Mahkamah Dunia ini, tiada suatu pihak pun yang

boleh dikecualikan daripada didakwa, sama ada pemimpin negara yang mencapai kemenangan dan juga yang tewas dalam sesuatu peperangan.

Usaha untuk membicarakan pihak yang bersalah atau pemimpin-pemimpin yang berkuasa di mahkamah mungkin sesuatu yang mustahil. Namun mahkamah boleh membicarakan individu-individu tersebut tanpa kehadiran mereka. Jika mereka didapati bersalah, ia perlu dihebahkan dan gambar-gambar mereka perlu diedarkan ke seluruh dunia. Masyarakat dunia perlu meminggirkan mereka dan melayan mereka sebagai "pariah" atau kumpulan yang berkasta rendah. Malah, tiada sesiapa harus mempunyai hubungan dengan penjenayah-penjenayah ini. Justeru itu, perlulah wujud pertubuhan bukan kerajaan di peringkat antarabangsa yang terdiri daripada kalangan peguam bagi meningkatkan keamanan dan menentang peperangan.


Selain itu, kerjasama media juga diperlukan untuk memberikan kerjasama bagi mengutuk peperangan, pemimpin-pemimpin dan negara-negara penyangak yang bertanggungjawab terhadap pelancaran peperangan. Dr. Mahathir menegaskan bahawa pihak media perlu mengabdikan diri kepada kebenaran. Media mesti bebas dengan tidak terikat atau terbelenggu dengan mana-mana angkatan tentera selain menjadi rakan yang aktif dalam perjuangan dunia untuk keamanan. Turut disentuh dalam ucapan utamanya yang sarat dengan saranan yang bernas itu ialah keperluan untuk menyedarkan semula PBB, membantu ia melaksanakan peranannya yang asal – iaitu menyelesaikan konflik melalui rundingan dan perantaraan daripada peperangan selain mendemokrasikan pertubuhan dunia itu. Kuasa veto kelima-lima anggota tetapnya juga perlu diubah supaya tiada satu pun daripada mereka yang boleh mengecewakan seluruh pertubuhan. Akhirnya, kuasa veto perlu dihapuskan dan demokrasi dunia diwujudkan. Menurut beliau, PBB mesti diberikan kuasa supaya dunia global mempunyai kerajaan global yang terhad tetapi bermakna yang boleh bertindak secara positif untuk menghalang peperangan dan mempertahankan keamanan.

Dr. Mahathir juga menyatakan keyakinannya bahawa forum yang meninggalkan kesan yang mendalam dalam jiwa setiap pesertanya itu akan mengemukakan kaedah yang lebih banyak dan lebih baik untuk mempromosikan keamanan yang praktikal dan berkesan. Sehubungan itu, beliau menyeru

supaya semua pihak berazam menjadikan forum tersebut sebagai langkah pertama dalam perjuangan manusia seluruhnya bagi dunia yang aman dan lebih bertamadun. Sejak berdekad lamanya, telah wujud usaha untuk mempromosikan keamanan. Kebanyakannya dikaitkan dengan peperangan yang tertentu, seperti perang Vietnam apabila demonstrasi anti perang di Amerika Syarikat akhirnya menyebabkan pengunduran Amerika Syarikat.

Walau bagaimanapun, kempen keamanan tidak diselaraskan dan akan mereda sebaik sahaja peperangan tertentu berakhir. Kemudian, kumpulan-kumpulan lain akan memulakan kempen apabila perang baharu muncul. Kelihatannya tiada usaha bersepadu dan mapan untuk mengecam serta mengisytiharkan perang sebagai jenayah dan menggalakkan keamanan. Kini dengan perang masih berlangsung di Palestin dan Iraq dan kemungkinan yang besar perang-perang baharu terhadap Syria dan Iran, banyak kumpulan telah muncul di seluruh dunia, khususnya di negara-negara yang mungkin sekali memulakan perang baharu, untuk berkempen menentang peperangan dan usaha mempromosikan penyelesaian keamanan.

NGO yang menyokong keamanan dan menentang peperangan yang akan ditubuhkan harus mewujudkan hubungan dan rangkaian dengan semua kumpulan yang sealiran yang sedia ada. Adalah penting bagi pergerakan Keamanan Menentang Peperangan diperkukuh secara bersama, diselaraskan dan mengambil tindakan sejagat yang bersepadu. Menurutinya, kempen ini akan jelas kelihatan lebih berkesan jika semua pihak bekerja bersama, merancang strategi dan membentuk kempen-kempen dengan betul dan bertindak secara bersama seoptimum yang mungkin. Justeru itu, beliau turut mencadangkan penubuhan Sekretariat Tetap dan pengambilan khidmat pekerja-pekerja tetap serta sukarela selain pemilihan lokasi sekretariat di tempat yang paling berkesan dan selesa. Jelas beliau selanjutnya, kita harus sentiasa ingat bahawa secara mudah, keamanan merujuk kepada maksud tiada peperangan. Pada penghujung ucapannya, beliau mencetuskan persoalan penting apakah jenis tamadun yang akan dimiliki jika kita membiarkan pembunuh orang awam sebagai pemimpin dunia. Justeru itu, kita mesti mempromosikan keamanan sebagai fahaman bagi setiap individu. Kita mesti menjadikan keamanan sebagai isu dalam semua forum berkaitan

dengan keselamatan negara, rantau dan juga dunia. Tiada negara yang boleh mengambil jalan keluar dengan peperangan dan kemusnahan keselamatan orang lain, dengan tujuan mempromosikan keselamatannya sendiri. Sebelum menamatkan ucapannya, beliau menyatakan harapan besarnya agar Forum Keamanan Sejagat ini menjadi isyarat bagi permulaan perjuangan menentang peperangan dan menyokong keamanan yang serius, aktif lagi mapan. 

#### Deklarasi Kuala Lumpur Menentang Peperangan

- Peperangan merupakan jenayah.
- Pembunuhan ketika peperangan sama kejamnya dengan jenayah dalam masyarakat.
- Pembunuhan dalam peperangan mesti diadili mengikut undang-undang jenayah antarabangsa.
- Semua sokongan komersial, kewangan, industri dan saintifik membantu peperangan merupakan jenayah.
- Pemimpin negara yang bertindak ganas mesti dihadapkan ke Mahkamah Jenayah Antarabangsa.
- Semua negara mesti mengukuhkan usaha melaksanakan Piagam PBB dan merangka jalan menyelesaikan konflik antarabangsa secara damai.
- Pihak berkuasa tentera hanya boleh digunakan atas persetujuan dua pertiga majoriti anggota Perhimpunan Agung PBB.
- Penggubal dasar dan pemimpin kerajaan mesti berikrar berjuang untuk keamanan.
- Parti politik di seluruh dunia mesti menjadikan keamanan sebagai antara matlamatnya.
- Semua negara mesti menubuhkan badan bukan kerajaan (NGO) berkaitan dengan keamanan.
- Kakitangan kerajaan dan golongan profesional khususnya dalam bidang perubatan, perundangan, pendidikan dan sains mesti menerajui kempen menentang peperangan secara aktif.
- Media mesti menentang peperangan dan mendesak supaya pertikaian antarabangsa diselesaikan secara damai.
- Industri huburan mesti berhenti daripada mengagung-agungkan peperangan dan keganasan, sebaliknya menyemai bibit-bibit keamanan.
- Semua pemimpin agama mesti mengutuk peperangan dan menganjurkan keamanan.